

# Kejohanan Hoki Lima Sepasukan dapat pujian Tengku Abdullah

**KEJOHANAN** Hoki Lima Sepasukan anuran Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berakhir kelmarin mendapat pujian Presiden Konfederasi Hoki Malaysia (MHC), Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Kejohanan yang mendapat kerjasama Milo dan SportUnite itu menampilkan 12 pasukan dan berlangsung di Padang Mini, UPM.

"Ia merupakan satu permulaan yang baik dan saya berharap kejohanan seumpama ini akan diteruskan dengan lebih besar selepas ini.

"Saya melihat penyertaan pasukan dan sambutan kali ini sangat memberangsangkan dan MHC akan sentiasa menyokong penganjuran kejohanan ini pada masa akan datang," titah Tengku Abdullah ketika merasmikan majlis penutup kejohanan itu di UPM kelmarin.

Pada kejohanan itu, pasukan IMAS KL A muncul juara kategori lelaki selepas membenam IMAS KL B 4-0 pada aksi final.

Tempat ketiga menjadi milik pasukan

Gombak Viper yang menang 3-0 ke atas Sebastari Boys.

Anugerah Fairplay diraih IMAS KL B dan tiga lain gelaran - pemain terbaik disambar oleh Mohd. Shafirul Akmal Saiful (IMAS KL A); penjaga gol terbaik, Mohd. Amirul Aswad (IMAS KL A) dan penjaring terbanyak, Mohd. Shafirul Akmal Saiful (IMAS KL A).

Bagi kategori wanita, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya muncul juara selepas menewaskan Gombak Avengers 3-0 di pentas final.

SMK Sri Pantai menduduki tempat ketiga apabila melakar kemenangan 1-0 ke atas Sebastari Girls.

Pasukan Bukit Bandaraya Girls meraih anugerah Fairplay manakala Kirandit Kaur (Bukit Bandaraya Girls) dinobatkan sebagai pemain terbaik kejohanan.

Anugerah penjaga gol terbaik pula diraih Ramayani Rosli (Gombak Avengers) manakala Norsyaza Afikah (Bukit Bandaraya Girls) muncul penjaring terbanyak.